



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 18/2023

PINDAAN PEKELILING AKADEMIK BIL.2/2014 KEWAJIPAN PENGHANTARAN LAPORAN KEMAJUAN KURSUS (LKK) OLEH STAF DAN ZAMALAH YANG SEDANG CUTI BELAJAR ATAU TELAH TAMAT TEMPOH CUTI BELAJAR

1. Universiti telah menetapkan bahawa semua staf dan zamalah yang sedang cuti belajar atau telah tamat tempoh cuti belajar dengan status belum selesai wajib mengemukakan Laporan Kemajuan Kursus (LKK) kepada Pejabat Pendaftar pada setiap 30 Jun dan 31 Disember bagi tahun semasa.
2. Mesyuarat Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) Bilangan 5 (Kali Ke-66) yang bersidang pada 27 Jun 2023 telah bersetuju menetapkan tarikh akhir baharu penghantaran Laporan Kemajuan Kursus (LKK) oleh staf cuti belajar dan zamalah seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1


SEMESTER	TARIKH AKHIR PENGHANTARAN LKK
Semester 1	31 Mac
Semester 2	31 Oktober

3. Walau bagaimanapun, staf dan zamalah adalah tertakluk kepada kewajipan untuk menghantar LKK segera kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar menggunakan Borang LKK sebaik sahaja keputusan semester dikeluarkan.
4. Kelewatan penghantaran LKK boleh mengakibatkan pembayaran elaun-elaun staf cuti belajar, ITP, ITK dan BISH ditahan. Tarikh kuatkuasa penahanan elaun adalah bermula sehari selepas tarikh akhir penghantaran LKK yang ditetapkan.
5. Pindaan ini berkuatkuasa serta merta mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan.
6. Sehubungan dengan itu, semua staf sedang cuti belajar atau telah tamat tempoh cuti belajar dengan status belum selesai adalah dimohon untuk mengambil maklum mengenai perkara ini.

Sekian, terima kasih.

"ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(KHAIRUL ERUWAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K)
Pendaftar
04 Julai 2023

- | | | |
|------|---|----------------------------------|
| s.k. | - | Naib Canselor |
| - | - | Timbalan- Timbalan Naib Canselor |
| - | - | Semua Ketua Pusat Tanggungjawab |